



JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT
Aras 7, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

Tel: 603-88706961
Faks: 603-88706867
Portal Rasmi: <http://www.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT.S(BPKI)2000/09/01/04 Jld.8 (17)
Tarikh : 26 Januari 2016

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PENGHANTARAN LAPORAN PEMANTAUAN DANA PENYELIDIKAN FRGS, PRGS, ERGS, TRGS, LRGS, NRGS, FRGS *TOP-DOWN* DAN RAGS BIL. 1/2016

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan projek/ program penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS), Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS), Skim Geran Penyelidikan Fundamental *Top-Down* (FRGS *Top-Down*) dan Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS).

3. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa pihak Kementerian akan menjalankan proses pemantauan bil. 1/2016 terhadap prestasi projek/ program penyelidikan yang diperakukan. Kerjasama adalah dipohon untuk mengisi dan menghantar borang laporan prestasi dan kewangan projek/ program penyelidikan yang lengkap dan disusun mengikut fasa kepada pihak Kementerian yang terdiri daripada:

- i. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 2/2010 sehingga Fasa 2/2014;
 - ii. Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Fasa 1/2011 sehingga Fasa 1/2015;
 - iii. Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) Fasa 1/2011 sehingga Fasa 1/2013;
 - iv. Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) Fasa 1/2013 sehingga Fasa 2/2014;
 - v. Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) Fasa 1/2011 sehingga Fasa 2/2014;
 - vi. Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS) Tahun 2013;
 - vii. Skim Geran Penyelidikan Fundamental *Top-Down* (FRGS *Top-Down*) Tahun 2010 sehingga Tahun 2014; dan
 - viii. Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) Tahun 2012 sehingga 2014.
4. Setiap laporan projek/ program penyelidikan perlu dikemukakan borang-borang pemantauan mengikut geran penyelidikan masing-masing yang terdiri daripada:
- i. Borang – P1(R)
 - Laporan Prestasi Projek/ Program (*Progress Report*) untuk diisi oleh setiap penyelidik.
 - Bagi projek/ program yang telah tamat diisi pada Borang P3(R).
 - ii. Borang – P2(RMC)
 - Laporan Keseluruhan (*Overall Report*) mengikut fasa bagi setiap IPT/institusi.
 - iii. Borang – K1(RMC)
 - Laporan Kewangan mengikut fasa bagi setiap IPT/institusi
 - iv. Laporan Pencapaian.
 - Laporan Pencapaian mengikut fasa bagi setiap IPT/institusi
 - v. Senarai Harta Modal bawah Dana Penyelidikan KPT

5. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, borang-borang pemantauan FRGS, PRGS, ERGS, TRGS, LRGS, NRGS, FRGS *TOP-DOWN*, RAGS boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Pendidikan Tinggi (<http://jpt.mohe.gov.my/penyelidik>). Laporan pemantauan in perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* selewat-lewatnya pada 15 Februari 2016 (Isnin) jam 4.00 petang. *Softcopy* laporan perlu dihantar mengikut geran melalui emel berikut:

- i. Urusetia FRGS
frgsbpki@gmail.com
- ii. Urusetia PRGS
prgsbpki@gmail.com
- iii. Urusetia ERGS/ TRGS/ RAGS
rndbpki@gmail.com
- iv. Urusetia LRGS
lrgsbpki@gmail.com
- v. Urusetia NRGS
nrgsbpki@mohe.gov.my

6. Perkara yang dinyatakan di atas adalah untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan jua.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PROF. DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM)

b.p Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi